

ERA BARU

DATE: 2 / 01 / 2008

"No Harm Working With S'pore" - Pak Lah

Era Baru - 2 / 1 / 2008

OLEH D.I.T

BEGITULAH tajuk yang terdapat pada akhbar *The Star* yang dipunyai oleh parti politik MCA, keluaran Ahad 11 November 2007. Tajuk itu merujuk kepada kenyataan yang dikatakan di buat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyarankan kepada penduduk Johor Bharu supaya tidak malu atau takut untuk bekerjasama dengan negara jiran, Singapura untuk mencapai kemajuan.

Para pembaca *Era Baru* tidak menyangkal atau menentang seruan yang dibuat oleh Pak Lah itu tetapi apa yang membimbangkan dan yang dikhuatiri sangat oleh rakyat Malaysia, terutama sekali di Negeri Johor ialah tentang sikap Kerajaan Singapura dan pemimpin-pemimpin negara jiran itu yang sejak dulu lagi tidak menampakkan kejujuran dan keikhlasan mereka terhadap Malaysia. Mereka sudah dikenali sebagai yang hanya mahu mengambil hak orang lain tetapi hak mereka jangan sekali kali disentuh. Contohnya, lihat sahaja kepada apa yang berlaku ketika Tun Dr Mahathir Mohamad memerintah dan cuba mendapatkan kerjasama negara jiran yang terdekat itu.

Hasrat negara kita untuk menaikkan harga air kepada dua sen pun tidak dipersetujui. Justeru itu, adakah Kerajaan kita kini berfikir yang negara atau para pemimpin Singapura itu akan berlembut dan berbaik dengan kita? Tidakkah kita hanya akan membahayakan negara dan bangsa Melayu jika kita terus berlembut dan memberi peluang kepada rakyat Singapura memasuki negara kita tanpa sekatan atau merasa bimbang?


Janganlah kita termakan dengan janji-janji manis dari Kerajaan Singapura kerana sejarah telah membuktikan yang mereka tidak boleh dipercayai. Contoh yang



Pak Lah.. yang mahu bekerjasama dengan Singapura.

nyata ialah apabila Perdana Menteri kita ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bertindak menyingkirkan Singapura dari Malaysia, sehingga Tan Sri Syed Jaafar Albar membuat keputusan mengesahkan dengan meletak jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda kerana membantah keras di atas pendirian dan keputusan Tunku itu kerana mendakwa bahawa Singapura adalah sebahagian dari Persekutuan Tanah Melayu.

Tetapi Tunku berasa lebih bimbang jika Singapura terus berada di dalam Malaysia kerana ia dianggap sebagai duri dalam daging, oleh itu biarlah negara rugi tanpa penyertaan Singapura kerana penyertaannya akan memberi masalah yang bertetusan, oleh itu elakkan rakyat Singapura ataupun negara itu menguasai kepentingan di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) supaya penduduk-penduduk Melayu di daerah itu selamat sampai bila-bila. Janganlah percaya kepada laporan dari pihak-pihak tertentu yang begitu berminat kepada



Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Syed Jaafar Albar yang melepaskan jawatannya kerana membantah penyingkiran Singapura dengan Malaysia pada 9 Ogos 1965.

negara jiran itu melabur di WPI kerana mereka ini dilihat mempunyai kepentingan dengan cuba mempengaruhi orang atasan untuk memenuhi agenda mereka.

Yang akan rugi adalah orang Melayu sendiri kerana negara ini adalah tempat dan tanahair mereka dan jika kita tidak ambil kisah tentang apa yang berlaku di depan mata atau apa yang akan terjadi, kita akan berputih mata kemudian hari.

Sementara itu, lihat apa Lee Kuan Yew lakukan di luar negara baru-baru ini. Beliau telah menabur fitnah dengan mendakwa dan menyakinkan pemimpin-pemimpin negara asing bahawa rakyat keturunan Cina dan India di pinggirkan di negara ini. Agaknya beliau dengki dan cemburu kepada kejayaan Malaysia selama ini, selain dari cuba memecah belahkan perpaduan kaum di negara ini dengan konsep beliau Malaysian Malaysia yang mengeneipkan hak-hak dan keistimewaan bangsa Melayu dan kedudukan raja-raja Melayu.